



KERATAN AKHBAR



Harian Metro | Khamis 16.01.2020

@hmetromy | HarianMetro | @hmetromy | www.hmetro.com.my | A19

addin

ISTERI INGIN BUBAR PERKAHWINAN

Tekanan mental suami kasar



KEMALYOLIAH SYARIAH
Bersama
Surlany Awaludin



Assalamualaikum puan. Untuk makluman puan, saya menghadapi krisis rumah tangga.

Suami saya bukan saja tidak bertanggungjawab, malah melakukan pelbagai kekasaran terhadap saya dan anak.

Keadaan itu mengakibatkan saya mengalami tekanan mental dan sudah pun mendapat rujukan doktor.

Saya melihat bahawa adalah lebih baik untuk bercerai dengan suami memandangkan semakin lama bersama dengannya tahap kesihatan mental saya turut terganggu.

Bagaimana kaedah seorang isteri untuk keluar daripada perkahwinan apabila perkahwinannya mengundang permasalahan seperti tekanan jiwa dan berasaskan pelecehan perkahwinan adalah jalan terbaik?

Boleh puan jelaskan apa tindakan yang boleh saya buat.

Lisa

Pembubaran perkahwinan boleh berlaku dengan adanya kebenaran atau melalui perintah mahkamah.

Bermakna mana-mana pihak yang tidak dapat memenuhi kewajipan dan tanggungjawab perkahwinan atau wujud apa-apa alasan yang dibenarkan undang-undang atau hukum syarak untuk membubarkan perkahwinannya, perlu memohon dan hadir di mahkamah syariah

untuk memohon pembubaran perkahwinan.

Berbeza dengan cerai secara talak, ia adalah semata-mata hak suami dan berlaku apabila suami melafazkan cerai atau menjatuhkan talak terhadap isterinya.

Kemuncaknya banyak pasangan memikirkan bercerai penyelesaian terakhir dan terbaik bagi mereka.

Seandainya segala usaha sudah dilakukan, masalah dan tekanan yang dialami suami isteri gagal dirungkai dan salah seorang membuat keputusan untuk membubarkan perkahwinan terbabit, ada beberapa jenis pembubaran perkahwinan yang boleh dipohon di mahkamah.

Percaian secara talak boleh dipohon dengan adanya persetujuan suami untuk melafazkan cerai terhadap isteri.

Namun jika suami tidak bersetuju melafazkan cerai dan isteri kekal dengan keputusan untuk bercerai, isteri boleh memohon pembubaran perkahwinan secara tebus talak atau khulu' dan fasakh.

Apa perbezaan antara percaian melalui tebus talak atau khulu' dengan fasakh?

Pembubaran perkahwinan melalui permohonan tebus talak atau khulu' dan fasakh kebanyakannya berpunca daripada tiadanya persetujuan suami sama ada selepas berbincangan dengan isteri atau mana-mana wakil isteri atau melalui proses kaunseling sebelum sesuatu permohonan pembubaran dirujuk ke mahkamah syariah.

Pembubaran perkahwinan secara tebus talak atau khulu' boleh dipohon mengikut Seksyen 49 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor

2003 yang memperuntukkan bahawa: "Jika suami tidak bersetuju menjatuhkan talak dengan kerelaannya sendiri, tetapi pihak-pihak itu bersetuju dengan cara penebusan atau cerai tebus talak, mahkamah hendaklah, selepas jumlah bayaran tebus talak dipersetujui oleh pihak-pihak itu, mengarahkan suami itu melafazkan percaian dengan cara penebusan dan percaian itu adalah ba'th suhgra atau tak boleh dirujukkan."

Bagi percaian secara tebus talak atau khulu' boleh dipohon di mahkamah apabila suami enggan menceraikan isterinya dengan rela hati.

Sedangkan pada masa sama isteri terbabit enggan dan tidak sanggup meneruskan perkahwinannya dengan suami terbabit serta isteri bimbang jika perkahwinan diteruskan akan mendatangkan dosa kerana gagal mentaati suami dan gagal menjalankan tanggungjawabnya sebagai isteri.

Oleh itu, isteri boleh menawarkan satu kadar atau jumlah bayaran kepada suaminya bagi mendapatkan talak.

Apabila kadar tebus talak terbabit sudah dipersetujui maka suami akan melafazkan sighth khulu' iaitu lafaz cerai secara khulu' dengan kebenaran mahkamah.

Percaian secara khulu' ini hanya berlaku sekiranya kedua-dua pihak bersetuju dengan percaian itu dan kadar tebus talak sudah dipersetujui bersama.

Sekiranya salah satu pihak enggan atau tiada persetujuan dicapai sama ada percaian dengan tebus talak maka isteri perlu memohon percaian secara fasakh atau cerai secara talak



AL-HAQ
Sehari seputing aji
"Janganlah orang-orang mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi wali (pemimpin) dengan meninggalkan orang-orang mukmin. Barangsiapa berbuat demikian, bukanlah dia daripada (agama) Allah sedikitpun kecuali jika kamu takut daripada mereka sesuatu yang boleh membahayakan dan Allah menaikkannya kamu dengan azab-Nya dan kepada Allah tempat kesudahan."
(Surah al-Imran, ayat 28)

(selepas melalui prosiding yang ditetapkan bagi kes suami yang tetap enggan menceraikan isterinya secara baik).

Oleh yang demikian, bagi isteri yang ingin membubarkan perkahwinannya dan suami enggan menjatuhkan talak dengan sukarela, isteri mempunyai pilihan iaitu memohon perintah pembubaran daripada mahkamah syariah dengan salah satu atau lebih daripada alasan yang diperuntukkan di atas.

Perlu diingatkan juga bahawa permohonan mengikut Seksyen 53 ini atau fasakh boleh diteruskan sekiranya suami tetap enggan melafazkan talak atau tidak menghadiri prosiding perbicaraan selepas penyampaian disempurnakan (saman dan penyata tuntutan telah diserahkan kepada suami).

>>Penulis ialah peguam syarie

TINTA HIKMAH

Kerosakan di muka bumi hasil kerakusan manusia



Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki



alam sekitar adalah antara ancaman kepada umat manusia yang berperanan sebagai khalifah di atas muka bumi ini.

Daripada kepelbagaian manfaat yang terhasil menerusi penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar dengan baik, pelbagai nikmat yang boleh diperolehi manusia. Justeru, alam sekitar seharusnya dijaga sebaik mungkin kerana alam dan manusia saling bergantung.

Di Malaysia, terdapat pelbagai kes yang membabitkan pencemaran alam sekitar

dilaporkan.

Antaranya, pencemaran udara di Pasir Gudang, Johor yang wajar dijadikan iktibar.

Ia dipercayai berpunca daripada pembuangan sisa toksik yang ditanam di dalam tanah oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Menurut pensyarah Kejuruteraan Kimia, Jabatan Kejuruteraan Kimia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Ir Dr Wan Ramli Wan Daud, tindakan menanam sisa toksik dalam tanah boleh mengakibatkan pencemaran udara.

Selain itu, saliran air bawah tanah di daerah itu berkemungkinan sudah tepu dengan sisa toksik yang meresap sebelum meresap melalui tanah naik ke permukaan sehingga

membentuk gas toksik.

Menurutnya, pelupusan bahan kimia di Sungai Kim Kim bukan satu-satunya sumber gas beracun kerana ia masih berada di sana selepas kawasan berkenaan dibersihkan.

Apa yang kita lihat, kesan pencemaran terbabit memberikan berbagai implikasi negatif antaranya kesihatan penduduk terutama kanak-kanak, proses pembelajaran yang terganggu akibat penutupan sekolah dan sosio ekonomi masyarakat setempat yang terjejas.

Dalam al-Qur'an, Allah SWT mengkhabarkan bahawa kerosakan yang berlaku di atas muka bumi ini antaranya alam sekitar adalah kesan daripada sifat rakus manusia itu sendiri. Firman Allah dalam surah

Ar-Rum ayat ke-41 yang bermaksud: "Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan atas perbuatan buruk yang mereka lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)".

Sepatutnya, alam semula jadi yang indah ini dipelihara dengan sebaik mungkin supaya krisis bencana alam yang berlaku sebelum ini tidak lagi berulang.

>>Penulis ialah penuntut Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pengajian Islam (Syariah) Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM)